

Headline	Enam bulan diskaun bil elektrik mulai 1 April		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	20 Mar 2020	Language	Malay
Circulation	11,025	Readership	33,075
Section	Semasa	Page No	2
ArticleSize	97 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 639		



Enam bulan diskaun bil elektrik mulai 1 April

KUALA LUMPUR: Diskaun bil elektrik akan diberi kepada semua pengguna elektrik bagi tempoh enam bulan bermula 1 April hingga 30 Sept, kata Menteri Tenaga dan Sumber Asli Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah.

Beliau berkata pemberian diskaun bil elektrik itu adalah bagi membantu meringankan beban rakyat, dalam keadaan ekonomi negara yang mencabar, berikutan kesan penularan wabak COVID-19.

Katanya, kerajaan bersetuju untuk memberi diskaun 15 peratus bagi penggunaan elektrik kepada enam sektor perniagaan terpilih, iaitu hotel; agensi pengembaraan dan pelancongan; kompleks membeli-belah; pusat konvensyen; taman tema; dan pejabat syarikat penerbangan tempatan.

"Diskaun 15 peratus ini melibatkan kira-kira 10,000 pemilik akaun daripada enam sektor perniagaan terpilih yang menggunakan pakej Tarif Perdagangan sahaja. Pemberian diskaun bagi tempoh ini juga akan memberi impak pengurangan bil elektrik RM40 juta bagi Semenanjung, RM20 juta bagi Sabah dan RM8.5 juta bagi Sarawak," katanya dalam kenyataan kelmarin.

Beliau berkata manfaat itu juga akan dinikmati pengguna komersial, industri dan pertanian dengan memperoleh dua peratus diskaun dalam tempoh yang sama.

"Ia dijangka memberi manfaat kepada kira-kira 1.6 juta pemegang akaun Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan penjimatan bil elektrik, dianggarkan berjumlah RM370 juta bagi tempoh enam bulan.

Bagi Sabah, ia akan memberi manfaat kepada sekitar 99,322 pemilik akaun yang melibatkan anggaran kos RM11.5 juta manakala bagi Sarawak, ia melibatkan anggaran kos RM107.2 juta untuk 100,000 pemilik akaun," katanya.

Beliau berkata semua pengguna domestik dalam kategori domestik atau rumah kediaman, turut menikmati penjimatan bil elektrik melalui pemberian dua peratus, bagi tempoh yang sama. - Bernama